

MEDIA SOSIAL INTERAKTIF ALUMNI FTSM

MUHAMMAD ASYRAF ZULKAPLE
AMIRAH ISMAIL

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Alumni merujuk kepada bekas graduan sesebuah pusat pengajian tinggi. Penglibatan alumni dengan bekas fakulti masing-masing dilihat tidak lagi terjalin atas beberapa faktor termasuk ketidakpuasan hati terhadap bekas kolej dan universiti kerana tiada usaha yang dilakukan untuk menghargai mereka. Kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh para alumni merupakan aset yang sangat bernilai serta mampu memberi motivasi kepada pelajar-pelajar sekarang untuk berusaha dengan lebih gigih. Projek ini bertujuan untuk membangun laman sesawang yang menyediakan ruangan berita terkini bagi membantu alumni untuk sentiasa peka dengan keadaan semasa Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat serta menyediakan ruangan diskusi bagi mengukuhkan lagi jalinan kerjasama antara alumni serta fakulti. Projek ini mencadangkan sebuah reka bentuk model konseptual bagi laman sesawang menggunakan teknik agile. Projek ini dibangun dengan menggunakan kerangka kerja laravel bagi laman sesawang. Aspek pengujian turut dijalankan bagi melihat keberkesanan sistem prototaip menggunakan kaedah pengujian kotak hitam. Sistem yang dibangun menyediakan fungsi suapan yang membolehkan alumni menulis suapan dan dapat berinteraksi dengan pengguna lain. Selain itu, alumni juga berupaya menyumbang dari segi kewangan melalui fungsi sumbangan yang disediakan. Sistem ini dibangun dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP serta mengaplikasikan rangka kerja terkini Laravel. Kesimpulannya, sistem ini menjadi saluran penghubung yang akan mengeratkan lagi hubungan antara fakulti dan alumni.

1 PENGENALAN

Pada masa kini, terdapat ramai graduan yang dilahirkan oleh universiti dan kolej. Kebanyakan graduan-graduan ini yang telah bergelar alumni berjaya mendapatkan pekerjaan dalam bidang masing-masing. Setelah bergelar alumni, para graduan ini tidak lagi melibatkan diri dengan bekas universiti dan kolej masing-masing kerana tiada platform yang membolehkan mereka berbuat demikian.

Menurut Gaier (2005), penglibatan alumni boleh ditafsirkan sebagai alumni memberi dan alumni mengambil bahagian dengan mater alma dalam jangka masa tiga tahun yang lalu. Penglibatan alumni dengan bekas fakulti masing-masing dilihat tidak lagi terjalin juga berlaku atas faktor ketidakpuasan hati bekas graduan terhadap mater alma kerana tiada usaha yang dilakukan untuk menghargai mereka. Gaier (2005) juga menyatakan bahawa semakin tinggi tahap kepuasan dengan pengalaman akademik, semakin tinggi kecenderungan alumni untuk memberi dan melibatkan diri dengan universiti.

Alumni juga berpandangan bahawa mereka perlu melupakan universiti dan meneruskan kehidupan. Hal ini dinyatakan oleh Wastyn (2009) bahawa sifat transaksi pengalaman kolej bagi kebanyakan alumni telah menyumbang kepada pandangan mereka bahawa mereka telah melengkapkan fasa semasa di alam universiti dan perlu meneruskan kehidupan di fasa berikutnya. Hal demikian menyebabkan para alumni tidak menghiraukan bekas universiti masing-masing setelah mereka menamatkan pengajian.

Oleh hal yang demikian, pelbagai usaha perlu dilakukan oleh pihak universiti dengan lebih gigih bagi mengukuhkan jaringan antara para alumni dengan universiti. Menurut Hoyt (2004), bagi melibatkan alumni dalam kehidupan sesebuah institusi itu tidak berlaku dengan mudah, dan ia memerlukan usaha giat institusi itu sendiri melalui hal ehwal alumni dan aktiviti pejabat pembangunan.

2 PENYATAAN MASALAH

Jaringan serta kerjasama antara fakulti dan alumni merupakan faktor yang amat penting dalam menghasilkan graduan yang berkualiti serta berdaya saing. Hal ini kerana kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh para alumni merupakan aset yang sangat bernilai serta mampu memberi motivasi kepada pelajar-pelajar sekarang untuk berusaha dengan lebih gigih.

Para alumni ini berkeinginan untuk memberi sumbangan kepada bekas fakulti masing-masing, namun hal ini tidak dapat dilaksanakan kerana tiada medium dan platform sesuai yang membolehkan mereka untuk berbuat demikian. Walaupun terdapat medium-medium lain seperti media sosial yang membolehkan mereka berhubung dengan pihak universiti, namun ia sangat tidak relevan serta sukar untuk digunakan.

Lertputtarak (2013) berpendapat bahawa alumni boleh melaksanakan banyak peranan untuk institusi seperti meluangkan masa mereka dalam jawatankuasa, mengambil bahagian di acara kampus atau menyediakan bantuan kewangan.

Oleh itu, pembangunan aplikasi ini diharap dapat membantu menyediakan platform yang menghubungkan pihak universiti dengan alumni dan mengukuhkan lagi jaringan dan kerjasama antara mereka.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:


1. Mereka bentuk model konseptual bagi laman sesawang menggunakan teknik agile.
1. Membangun sistem dengan menggunakan kerangka kerja laravel bagi laman sesawang.
2. Menguji keberkesanan sistem prototaip menggunakan kaedah pengujian kotak hitam.

4 METOD KAJIAN

Metodologi yang digunakan untuk membangunkan Media Sosial Interaktif untuk Alumni ini adalah Kaedah Pembangunan Tangkas. Kaedah ini dipilih bagi meningkatkan fleksibiliti kepada pertukaran keperluan untuk laman sesawang ini supaya dapat menghasilkan produk yang memuaskan hati pengguna.

Melalui kaedah pembangunan tangkas, perubahan pesat yang berlaku terhadap sesuatu keperluan dapat diatasi dengan baik tanpa memanjangkan jangka masa untuk membangunkan aplikasi ini. Selain itu, proses iterasi dapat dilakukan beberapa kali bagi memastikan modul yang dibangunkan tidak mempunyai ralat dan dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Dalam kaedah ini, pembangunan dipecahkan kepada beberapa modul kecil dan dilakukan beberapa iterasi supaya proses pembangunan dapat dijalankan dengan lebih teratur dan produk yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan yang telah ditetapkan. Hal ini juga berhasil untuk mendapatkan maklum balas pengguna dengan lebih awal tanpa memanjangkan masa dan kos untuk membangunkan sistem ini. Rajah 1 memaparkan model pembangunan yang digunakan dalam membangun sistem ini.



Rajah 1: Kaedah Pembangunan Tangkas

4.1 Fasa Perancangan

Fasa perancangan melibatkan proses pengenalan masalah yang ingin diselesaikan. Hal ini dijalankan dengan melakukan kajian terhadap hasil projek lepas bagi memastikan projek yang dijalankan menepati objektif dan skop yang ditetapkan. Proses perancangan juga melibatkan sorotan kesusasteraan di mana jurnal dan kajian lepas dikaji bagi mendapatkan cetusan idea baru bagi menghasilkan projek yang lebih baik.

4.2 Fasa Analisis

Fasa analisis melibatkan analisis terhadap keperluan sistem yang perlu dilakukan secara teratur dan menyeluruh agar spesifikasi keperluan sistem dapat menyenaraikan keperluan-keperluan yang mencukupi sebelum memulakan proses pembangunan. Keperluan sistem yang lengkap akan membantu memudahkan proses semakan dan menjadi bahan rujukan kepada pereka perisian dan pemaju perisian untuk menghasilkan sistem yang memenuhi kehendak pihak yang berkepentingan.

4.3 Fasa Reka Bentuk

Fasa reka bentuk dijalankan setelah spesifikasi keperluan sistem diperoleh. Dalam fasa ini, rekabentuk sistem dan perisian akan disediakan berdasarkan keperluan yang telah dikumpul dan perlu dipastikan selari agar memenuhi kehendak pengguna. Antara aktiviti yang perlu dilakukan dalam fasa ini termasuklah mereka bentuk papan cerita aplikasi, melakar model konseptual dan melakar serta mereka bentuk model antara muka.


4.4 Fasa Pengujian Dan Penilaian

Fasa pengujian merupakan proses pengujian sistem yang dijalankan ke atas sistem Media Sosial Interaktif Alumni yang dibangunkan bagi memastikan sistem ini memenuhi kehendak pengguna dan menepati spesifikasi keperluan yang diperoleh sebelum proses pembangunan dilakukan. Proses pengujian yang dilakukan terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu pengujian fungsian dan pengujian bukan fungsian. Proses pengujian bukan fungsian melibatkan kaedah penilaian iaitu sistem dinilai oleh pihak tertentu seperti pengguna dan pakar bagi menentukan tahap kualiti sistem yang dibangunkan mencapai tahap yang diperlukan.

5 HASIL


Bahagian ini membincang hasil daripada proses pembangunan sistem Media Sosial Interaktif untuk Alumni. Penerangan yang mendalam tentang reka bentuk dan pembangunan sistem juga diterangkan secara teliti. Fasa reka bentuk adalah fasa yang penting dalam pembangunan projek. Dalam projek ini, perisian *Laragon* diguna pakai bagi membangun laman sesawang ini. Melalui perisian tersebut, rangka kerja *Laravel* diguna pakai bagi memudahkan proses pembangunan yang dijalankan di samping mengikuti teknologi terkini dan semasa.

Rajah 2 memaparkan reka bentuk antara muka sistem ini diberikan rekaan yang ringkas dengan menggunakan warna yang sedikit tetapi mempunyai tarikan yang unik. Perkara ini diambil kira bagi memudahkan para pengguna untuk menggunakan sistem ini terutamanya bagi pengguna yang kurang mahir dalam menggunakan laman media sosial terkini.



Rajah 2: Reka bentuk antara muka sistem bagi fungsi log masuk

Selain itu, butang-butang yang digunakan merupakan butang yang menggunakan rekaan yang biasa digunakan di dalam sistem lain agar para pengguna mahir untuk menggunakan sistem ini buat pertama kali. Warna yang digunakan bagi butang yang ada pula adalah minimal bagi mengelakkan pengguna keliru dalam menggunakan sistem ini seperti yang dipaparkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Reka bentuk antara muka sistem bagi fungsi *Post*

Rajah 4 memaparkan proses pengaturcaraan melibatkan beberapa fungsi utama seperti fungsi *Alumni* dan fungsi *Posts Feed*. Proses penyimpanan data ke dalam sistem pangkalan data juga memerlukan proses pengaturcaraan tertentu.

```

1 <?php
2
3 namespace App;
4
5 use App\Like;
6 use App\User;
7 use Illuminate\Database\Eloquent\Model;
8
9 class Post extends Model
10 {
11     protected $fillable = [
12         'post_content'
13     ];
14
15
16     public function user()
17     {
18         return $this->belongsTo(User::class);
19     }
20
21     public function likes()
22     {
23         return $this->hasMany(User::class, 'likes');
24     }
25
26     public function liked()
27     {
28         return $this->hasMany(Like::class, 'post_id');
29     }
30 }

```

Rajah 4: Pengaturcaraan bagi fungsi *Post Feed*

6 KESIMPULAN

Pembangunan laman sesawang ini bertujuan untuk mengukuhkan jaringan dan kerjasama antara pihak universiti dan alumni. Laman sesawang yang akan dibangunkan ini boleh membantu para alumni untuk menyumbang kepada pihak fakulti melalui fungsi sumbangan yang disediakan. Oleh itu, para alumni bukan sahaja dapat mengetahui segala berita terkini tentang fakulti malah dapat menyumbang tidak kira dari segi wang ringgit mahupun dari segi kepakaran.

Para alumni juga boleh berhubung semula dengan rakan-rakan lama melalui laman sesawang ini. Laman sesawang yang akan dibangunkan ini diharap dapat membantu mengukuhkan jaringan dan kerjasama antara pihak fakulti dan alumni serta dapat menghubungkan semula para alumni.

Media Sosial Interaktif Alumni FTSM ini telah direka bentuk dalam beberapa modul utama iaitu modul *news*, modul *events* dan modul *social*. Reka bentuk aplikasi ini telah dibentuk dengan menerapkan cara interaksi jenis manipulasi dan berbual.

Pengguna berupaya berinteraksi dengan aplikasi ini melalui cara manipulasi iaitu dengan menekan butang yang disediakan atau pun memasukkan input untuk sesuatu carian. Selain itu, pengguna juga boleh berinteraksi dengan teknik berbual atau *conversing*, iaitu seolah-olah berbual secara realiti tetapi di alam maya. Antara muka sistem ini pula dibentuk dengan menerapkan konsep ringkas dan mudah difahami.

7 RUJUKAN

- Apriliyandi, R. 2011. "Makalah Android: Tugas sistem operasi".
- Gaier, S (2005). Alumni satisfaction with their undergraduate experience and the impact on alumni giving and participation. *International Journal of Educational Advancement*.
- Gajos, P. (2015, August 20). What Is Agile Development for Mobile Apps?. Retrieved from <http://sourcebits.com/app-development-design-blog/what-is-agile-development-for-mobile-apps/>
- Gill, P. S., Kamath, A., & Gill, T. S. 2012. Distraction: an assessment of smartphone usage in health care work settings. *Risk Management and Healthcare Policy*, 5, 105–114. <http://doi.org/10.2147/RMHP.S34813>
- Granovetter, M. 2003. 'The strength of weak ties.' In A.P.R. Cross and L. Sasson (Eds.), *Networks in the Knowledge Economy* (pp. 109-129). New York: Oxford University Press.
- Hoyt, J.E (2004). Understanding alumni giving: Theory and predictions of donor status. Online Submission.
- Lertputtarak, S (2013). Factors influencing alumni donation. *International Journal of Business and Management*, vol. 9, no. 3, pp. 170-178.
- Luden, I. 2013. "Android, Led by Samsung, Continues To Storm The Smartphone Market, Pushing A Global 70% Market Share".TechCrunch. AOL Inc.
- Rajagopal, K., Joosten–ten Brinke, D., Van Bruggen, J. and Sloep, P. B. 2012. 'Understanding personal learning networks: Their structure, content and the networking skills needed to optimally use them.' *First Monday* [Online], 17, 1-2.

Villar, E. and Albertin, P. 2010. 'It is who knows you'. The positions of university students regarding intentional investment in social capital.' *Studies in Higher Education*, 35, 2, 137-154.

Wastyn, M.L. (2009). Why alumni don't give: a qualitative study of what motivates non-donors to higher education. *International Journal of Educational Advancement*.

Copyright@FTSM